

PERBANDINGAN KONSEP *MESSIAH* MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN KRISTIAN

Abdul Halim Syihab¹, M. Afif Afnan²

¹ Researcher, Centre for Postgraduate Studies, International Islamic University Malaysia, Malaysia.

² Jabatan Usuluddin dan Dakwah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.

Correspondence Author: Abdul Halim Syihab. Centre for Postgraduate Studies, International Islamic University Malaysia. Tel: (60) 166438486. Email: abdulhalimsyihab@yahoo.com.

ABSTRAK

Messiah merupakan istilah berbahasa Ibrani (Mah-she-akh) yang wujud dalam kepercayaan dan keagamaan pada hari ini. Dalam Bahasa Arab atau agama Islam, Messiah disebut sebagai al-Masih, manakala istilah Christ pula digunakan untuk umat Kristian dalam Bahasa Inggeris. Messiah merupakan watak penting bagi Islam, Kristian dan Yahudi. Ketiga-tiga agama ini memiliki doktrin tentang Messiah dengan konsep berlainan. Agama Islam menyakini dan mengimani bahawa Nabi Isa AS merupakan Messiah yang dimaksudkan berdasarkan hadith Nabi Muhammad SAW dan al-Quran yang diturunkan kepada baginda. Agama Kristian pula percaya bahawa Nabi Isa AS yang dikenali sebagai Jesus adalah Messiah atau Christ berdasarkan Bible pegangan mereka. Wujud kesalahfahaman tentang Messiah yang dimaksudkan Islam dan Kristian dari aspek akidah. Perbandingan antara Islam dan Kristian pula dipilih kerana Islam percaya Kristian merupakan ajaran Nabi Isa AS yang diubah. Oleh itu, kajian ini akan membentangkan tentang konsep Messiah menurut pegangan dan pandangan Islam dan Kristian. Beberapa konsep akidah Islam tentang al-Masih dan doktrin Kristian tentang Christ akan diterangkan dan dibuat perbandingan seperti definisi, riwayat hidup, tujuan pengutusan, kebangkitan semula, dan pandangan kedua-dua agama terhadap Messiah masing-masing. Metod kajian pula adalah berbentuk kualitatif, iaitu kajian kepustakaan dan analisis kepada penulisan-penulisan terdahulu. Kajian mendapati bahawa Islam dan Kristian berkongsi Messiah yang sama namun konsep dan doktrin yang berkaitan dengan Messiah tersebut sangat berbeza.

Kata Kunci: Perbandingan Agama, Islam, Kristian Messiah, Al-Masih, Kristus.

(COMPARISON OF THE MESSIAH CONCEPT ACCORDING TO ISLAMIC AND CHRISTIANS PERSPECTIVE)**ABSTRACT**

Messiah is a term derived from the Hebrew (Mah-she-akh) and is widely employed in the scope of religiosity and beliefs. Messiah is referred to al-Masih in the Arabic ethos of Islam. As for the Christian tradition, they substitute the term into Christ. Messiah is an utterly meaningful discourse in Islam, Christianity, and Jews in all three major religions. These three religions have their elucidation and distinctive notions of the Messiah. Islam believes that Messiah is none other than the Prophet Isa (pbuh) based on the evidence from Holy Qur'an and prophetic tradition (sunnah). The Christians believe that the Messiah is Jesus or Christ based on the information from the Bible. The disputes arising between Islam and Christianity were primarily from faith and the Muslim idea that today's Christianity is not the original teaching of Prophet Isa (pbuh). It has been altered and modified by his disciples. This research will analyze the concept of Messiah from two significant religions; Islam and Christianity. This research will comprehensively compare the concepts of Messiah from Islam and Christianity from the definition, background history, purpose of revelation, resurrection, and the distinctive idea about Messiah from each religion. This research will employ a qualitative method such as library research and analysis of foregoing writing. This research preliminarily clinched that both religions share the same notion of Messiah literally but applies to very different conceptions and principles.

Keywords: *Comparative religion, Islam, Christian Messiah, al-Masih, Christ*

Received: January 23, 2016

Accepted: March 16, 2016

Online Published: December 30, 2016

1. Pendahuluan

Agama Islam adalah agama asal manusia. Islam bermula sejak Nabi Adam AS lagi, iaitu manusia pertama yang diciptakan. Islam bukan hasil perkembangan sesuatu pemikiran ataupun kebudayaan manusia. Sebaliknya adalah fitrah semulajadi yang sudah ada pada setiap manusia. Islam adalah perkataan berbahasa Arab (*sa-la-ma*) yang bermaksud 'selamat dan sejahtera' juga bermaksud 'tunduk, patuh dan menyerah diri' kepada Allah SWT (Abdullah, 2013).

Islam adalah agama yang serba lengkap yang merangkumi pelbagai lapangan hidup iaitu aspek akidah, syariah dan akhlak, *tasawuf*, ibadah dan *mu'amalah*. Rasulullah SAW menerima daripada Allah SWT satu panduan lengkap melalui al-Quran sebagai sumber rujukan utama Islam. Kemudian Rasulullah diperintah menyampaikan dan mempraktikkan ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran kepada seluruh manusia. Akhirnya Islam diwarisi secara turun temurun daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain (Zaki, 2008).

Agama Kristian pula merupakan agama yang mempunyai penganut teramai di dunia. Mengikut kajian yang dilakukan pada tahun 2006, agama Kristian mempunyai seramai 2.14 bilion penganut di seluruh dunia. Majoriti penganut agama Kristian beriman dengan doktrin Trinitas atau Tritunggal iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Ruh Kudus. Namun begitu, penganut Kristian terpecah kepada pelbagai

aliran. Kepelbagaian aliran ini bukan sahaja disebabkan oleh wujudnya perbezaan pandangan berhubung isu-isu ibadah dan peraturan, kepelbagaian aliran ini wujud kerana terdapat perbezaan dalam memahami isu-isu berhubung akidah dalam kalangan penganut Kristian (Abd Rahman).

Istilah *Christian* atau Kristian diambil dari Bahasa Greek Yunani '*christos*' atau 'kristus' yang bermaksud '*the anointed one*' iaitu 'yang diurapi'. Penganut Kristian menganggap Jesus sebagai 'kristus'. Daripada *Christ* ini, wujudlah perkataan '*Christian*' yang bermaksud 'segolongan manusia yang mengikut ajaran Jesus'. Istilah *Christ* sama ertinya dengan perkataan *Messiah* yang diambil daripada bahasa Hebrew atau Ibrani yang bermaksud 'Rasul Yang Dipilih'. Islam menyebutnya sebagai *al-Masih* merujuk kepada Nabi Isa AS (Yusof, 2010). Jadi pengikut *al-Masih* turut disebut *Masihiyah* dan Nasrani. Sesetengah yang lain menafsirkan sebagai 'diurapi' sempena upacara pengurapan raja-raja semasa kerajaan Israil lama. (Siahaan, 2001)

Agama Kristian bermula selepas kematian Jesus. Islam meyakini ajaran Jesus tergolong dalam agama *samawiy* yang diturunkan daripada langit sama seperti Islam. Agama Kristian adalah rentetan daripada agama Yahudi di mana penganut agama Kristian diperintah mematuhi apa yang ada di dalam kitab Taurat (Kitab Perjanjian Lama dalam Bible). Hakikatnya, nama Kristian muncul selepas kematian Jesus kerana beliau tidak bertutur dalam bahasa Greek (Abdullah Jr, 2012).

Apabila kita berbicara mengenai Kristian, antara figura yang akan terlintas adalah Paul. Beliau adalah antara individu yang paling banyak mempengaruhi ajaran Kristian. Paul dianggap sebagai wakil Tuhan kerana kebanyakan kenyataan beliau di dalam Kitab Perjanjian Baru diikuti oleh seluruh penganut Kristian (Mat, 2014). Beliau adalah seorang lelaki Yahudi yang dilahirkan di Tarsus. Menurut Bible, nama sebenar beliau ialah Saul. Ia diambil bersempena nama seorang keturunan Benyamin, anak Ya'qub.

Semasa Jesus masih hidup, beliau tidak pernah memberi apa-apa nama kepada ajaran Nabi Musa AS. Nama 'Kristian' dicipta oleh para pengikutnya di Antioch berpuluh-puluh tahun selepas ketiadaan beliau. Ini bermakna, jika para pengikutnya tidak berbuat demikian, ajaran Nabi Isa kemungkinan akan kekal dengan nama agama Yahudi atau Islam dan bukannya Kristian. Ia adalah ajaran Nabi Musa AS iaitu Islam yang dakwahnya diteruskan oleh Jesus, sebelum diakhiri oleh Nabi Muhammad. Tambahan pula, Jesus sendiri menjelaskan beliau tidak mengubah segala hukum yang terdapat dalam ajaran Nabi Musa AS.

Penggunaan istilah *Messiah* adalah amat meluas. Hampir semua agama dan kepercayaan di dunia mempercayai dan berpegang dengan *Messiah* masing-masing, samada *Messiah* yang dimaksudkan sudahpun muncul serta hidup bersama, ataupun *Messiah* tersebut adalah utusan Tuhan yang ditunggu-tunggu.

S.M Siahaan menulis dalam bukunya, '*Pengharapan Mesianis dalam Perjanjian Lama*', istilah *Messiah* berasal dari Bahasa Ibrani atau Hebrew yang diterjemahkan sebagai 'diurapi'. Dalam Bahasa Yunani pula, istilah *Messiah* ini diterjemahkan dengan perkataan *Kristos*. *Kristos* merupakan istilah asal yang menjadi dasar kepada perkataan *Christ* setelah diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris yang digunakan bagi penganut agama Kristian bagi merujuk kepada Jesus (Siahaan, 2001).

Yussamir Yusof pula menulis dalam bukunya, '*Akidah Kita Nyawa Kita*', Perkataan *Messiah* diambil daripada bahasa Hebrew atau Ibrani yang bermaksud 'Rasul Yang Dipilih'. Manakala '*Christos*' pula adalah Bahasa Greek dan '*Christ*' berasal dari Bahasa Inggeris. *Christ* bermaksud '*the anointed one*' iaitu 'yang dipilih'.

Daripada *Christ* ini, wujudlah perkataan '*Christian*' yang bermaksud 'segolongan manusia yang mengikut ajaran Jesus'.

Barnabas Ludji dalam bukunya '*Kerajaan Mesias*' menyebutkan, Istilah *Messiah* ini pada awalnya digunapakai oleh pengikut agama Yahudi bagi merujuk kepada seorang manusia yang bakal muncul pada masa akan datang sebagai penyelamat dan wakil Tuhan bagi mereka. Konsep ini juga bersangkutan dengan agama yang terasas dari Nabi Ibrahim AS iaitu Kristian dan Islam. Dalam agama Kristian, Jesus merupakan *Messiah* yang dinanti-nantikan sebagai utusan dan penyelamat dari Tuhan kepada mereka. Sedangkan di dalam agama Islam, *Messiah* yang dimaksudkan adalah Nabi Isa AS yang akan datang pada akhir zaman nanti untuk bersama-sama dengan *Imam al-Mahdi* bagi mengalahkan *al-Dajjal* (Ludji, 2002). Dalam buku "*Pengantar ke dalam Perjanjian Lama*" pula, C. Groenan menulis bahawa istilah *Messiah* ini merujuk kepada manusia yang diurapi Tuhan. Masyarakat Israil kuno melihat keadaan pengurapan atau pembaptisan ini sebagai tanda pemilihan dan menyucian Tuhan terhadap insan tersebut dan akan mendapat tugas yang khusus. Insan ini biasanya merupakan tokoh yang terkemuka seperti akan menjadi raja ataupun pemerintah. Dalam Perjanjian Lama, seorang raja akan melalui upacara pengurapan semasa perlantikan mereka.

Konsep *Messiah* kemudiannya mengalami perubahan. Pengharapan dan penantian kepada *Messiah* oleh bangsa Israil semakin tinggi. Lebih-lebih lagi setelah tamatnya era pemerintahan Raja Daud dan Raja Sulaiman ataupun Nabi Daud AS dan Nabi Sulaiman AS dalam Islam, raja-raja yang memerintah Israil tidak mampu mengecapi kegemilangan seperti era pemerintah Raja Daud malah semakin mundur. Ketika itulah masyarakat pada ketika itu mengharapkan seorang *Messiah* yang bakal membimbing mereka seperti Raja Daud dan seterusnya, dia menjadi gambaran yang ideal bagi seorang pemimpin Israil pada masa akan datang (Groenan, 1980).

Nabi-nabi adalah antara insan yang bertanggungjawab dalam penyebaran konsep *Messiah* dalam kalangan umat Yahudi dan bangsa Israel. Selain Nabi Daud AS dan Nabi Sulaiman AS sebagai pemimpin, Nabi Amos AS, Nabi Isa'iah AS dan Nabi Mikha AS turut mengkhabarkan kepada mereka tentang penantian *Messiah* di saat raja yang memerintah pada masa tersebut penuh dengan ketidakadilan dan masyarakatnya menyimpang dari ajaran Allah SWT (Ludji, 2002).

Secara umumnya dalam masyarakat Yahudi ataupun Israil kuno, *Messiah* bermakna 'dilantik'. *Messiah* adalah seseorang yang dipilih untuk melakukan tugas. Setiap raja silam dipanggil *Messiah* seperti Nabi Daud AS, Nabi Sulaiman AS dan Sirus Raja Parsi (Abdullah, 2013). Meskipun memiliki perbezaan dari segi etimologi, namun penggunaan istilah *Messiah* yang seperti di atas berkongsi maksud yang sama. Secara amnya, *Messiah*, *Kristus*, *Christ* mahupun *al-Masih* didefinisikan sebagai seorang utusan dan penyelamat yang diutuskan oleh Tuhan kepada sesuatu kaum, bangsa mahupun masyarakat.

2. Konsep *Messiah* Dalam Kristian

Untuk memahami sejarah perkembangan agama Kristian, adalah penting untuk mengetahui latar belakang Jesus terlebih dahulu. Hal ini kerana Jesus dilihat sebagai pengasas agama tersebut. Jesus telah dilahirkan di daerah Palestin yang berada di bawah kekuasaan kerajaan Rom. Beliau berketurunan Yahudi kerana ibunya adalah orang Yahudi. Beliau dikhatankan selepas lapan hari dilahirkan mengikut adat resam Yahudi (Abd Rahman, 2002). Jesus juga dikenali sebagai Nazarene, asal usul kepada

perkataan 'Nasrani' apabila diarahkan oleh Malaikat untuk tinggal di Nazareth (Fasching, 2001).

Tarikh kelahiran Jesus tidak dapat dipastikan dengan tepat oleh sejarawan. Mengikut pendapat daripada pengkaji sejarah, Jesus berkemungkinan dilahirkan pada empat hingga enam tahun sebelum Masihi sewaktu Raja Herod memerintah Palestin (Mat, 2014). *Gospel Matthew* menceritakan bahawa Raja Herod mendengar khabar seorang bayi akan lahir di Palestin dan bakal menjadi raja bagi bangsa Yahudi. Dia terdengar bahawa seorang nabi telah lahir di Bethlehem. Bagi mengelak takhtanya daripada dirampas pada masa hadapan, dia telah mengarahkan agar semua bayi berumur bawah dua tahun pada ketika itu dibunuh (Fasching, 2001). Mendengar cerita itu, Maryam telah melarikan diri ke Mesir bersama Joseph (Yusuf) dan Jesus sehinggalah Raja Herod meninggal dunia. Peristiwa itu terjadi pada empat tahun sebelum Masihi. Selain itu, pengkaji bercanggah pendapat tentang tempat lahir beliau namun pendapat yang paling kukuh adalah di Nazareth memandangkan ibunya juga berasal dan tinggal di situ (Yusof, 2010).

Sebelum itu, Maryam pada ketika itu sudah bertunang dengan seorang lelaki dikenali sebagai Joseph (Yusuf). Joseph mengambil keputusan untuk memutuskan pertunangan dengannya kerana mendapati Maryam sudahpun mengandung. Kemudian datang malaikat ke dalam mimpinya dan memberitahu bahawa Maryam adalah seorang wanita yang belum disentuh mana-mana lelaki dan anak itu adalah *Holy Spirit* (Ruh Kudus) dari Tuhan. Malaikat memberitahu Joseph bahawa Maryam akan melahirkan anak lelaki yang diberi nama Jesus yang bermaksud *God saves* (Tuhan menyelamatkan).

Tiada penjelasan terperinci tentang perjalanan hidup Jesus bermula sejak kecil sehinggalah beliau memulakan aktiviti dakwah. Apa yang jelas, dia dibesarkan dan menjalani kehidupan harian di Nazareth bersama ibunya. Para pengkaji tidak mengetahui secara tepat tarikh Jesus memulakan aktiviti dakwah. Mereka menganggarkan pada 29 hingga 27 Masihi semasa beliau berusia 30 tahun. Menurut Bible, Jesus hanya memulakan dakwah selepas mengetahui 'John Si Pembaptis' (Nabi Yahya AS) dipenjarakan oleh Herod. Beliau memulakan agenda dakwah di Gallilee seperti mana yang tercatat dalam *Gospel Mark*, bab pertama, ayat ke 15. Antara ucapan beliau yang pertama di hadapan orang ramai yang bermaksud: "*Masa itu akan sampai, Kerajaan tuhan (kiamat) sudah dekat. Bertaubatlah dan percayalah kepada berita baik ini.*" (Yusof, 2010).

Ketika itu, ajaran Yahudi sudah menyeleweng daripada sekadar ajaran Nabi Musa AS. Orang Yahudi tidak selesa dengan kehadiran Jesus telah memfitnah dan mendustai beliau dengan menuduhnya sebagai pengacau, penghasut rakyat supaya jangan membayar cukai dan menderhakai pemerintah. Aduan ini dibuat agar Jesus ditangkap dan dibunuh (Abd Rahman, 2002).

Peristiwa bersejarah yang berlaku ialah berkenaan dengan *Last Supper* ataupun Jamuan Malam Terakhir. Menurut Kristian, sebelum Jesus disalib, beliau telah menghadiri jemputan makan malam bersama 12 anak muridnya. Peristiwa ini telah tercatat dalam keempat-empat *Gospel*, iaitu *Mark*, *John*, *Luke* dan *Matthew* namun memiliki penafsiran yang tidak sekata dan bercanggah. Setelah jamuan makan malam tersebut berakhir, Jesus bersama anak muridnya menuju ke Bukit Zaitun (*Olives Mount*) Ketika berada di sana, Judas Iskariot yang merupakan salah seorang daripada 12 orang anak muridnya mengkhianati Jesus dan datang bersama-sama para pengikut Ketua Farisi untuk menangkapnya. Setelah mengetahui tujuan kehadiran Judas Iskariot dan Ketua Farisi serta pengikutnya, anak murid Jesus bersedia untuk menyerang namun dihalang oleh Jesus (Yusof, 2010).

Doktrin baru tentang *Original Sin* yang dibawa oleh Saint Paul meletakkan Jesus sebagai *Messiah* kerana pengorbanan yang dilakukan Jesus demi menyelamatkan manusia seluruhnya. Dia telah menjadi penebus dosa bagi umat manusia yang terbelenggu dengan Dosa Warisan ini sejak Nabi Adam AS diturunkan ke bumi bersama isterinya Hawa. Tiang salib menjadi bukti kerelaan Jesus untuk mati demi manusia. Doktrin inilah yang menyebabkan dia digelar *Messiah*.

Mengikuti kepercayaan agama Kristian ini, Jesus mati tergantung di salib pemerintah Rom semasa umur beliau sekitar 33 tahun, beberapa jam sebelum perayaan Paskah bagi agama Yahudi dirayakan. Selepas tiga hari dikembumikan, penganut Kristian mendakwa Jesus dibangkitkan selama beberapa hari. Kemudian beliau diangkat ke langit di hadapan murid-muridnya dan berpesan agar bersungguh dalam menyebarkan ajarannya atas nama Bapa, Anak dan Roh Kudus (namun keterangan dan dakwaan ini disangkal al-Quran). (Abdullah, 2013).

Messiah dalam Kristian disebut '*Christ*'. Istilah *Christ* adalah suatu gelaran yang diberikan kepada Jesus oleh dunia Kristian sebagai seseorang yang telah memenuhi ramalan kerasulan dalam Perjanjian Lama sebagai utusan dan *Messiah*. Awalnya perkataan *Christ* pada Jesus disebut sebagai '*Jesus the Christ*', namun kemudiannya disebut dengan lebih tepat sebagai '*Jesus Christ*'. Dalam Perjanjian Baru, nama *Christ* digunakan bagi menunjukkan kesamaan taraf dengan *Messiah* Yahudi yang ditulis dalam Bahasa Ibrani, yang merupakan seorang utusan yang dijanjikan sekian lama, seperti mana yang diajarkan dan dijangkakan dalam ajaran mereka.

Istilah *Christ* ini ditambah bagi mengenalpasti Jesus sebagai *Messiah* yang dijanjikan. Perkataan *Messiah* secara jelas merujuk kepada seorang utusan dan penyelamat yang dinantikan oleh orang Yahudi dan akhirnya Jesus dianggap sebagai *Messiah* dalam ajaran Kristian (Mohammed, 2008). Namun sebahagian besar penganut Yahudi tidak mengiktiraf Jesus sebagai *Messiah*. Sebahagian penganut agama Yahudi pula percaya dan beriman dengan Jesus namun menolak dakwaan bahawa Jesus adalah *Messiah* yang disebutkan di dalam kitab Tanakh pegangan mereka (Mat, 2014).

Bagi penganut agama Kristian, beberapa ayat dalam Bible menjadi hujah kepada ketuhanan Jesus. Ayat-ayat ini dipegang oleh mereka sebagai akidah dan sandaran betapa Bible yang dianggap kitab suci secara jelas mengiktiraf bahawa Jesus itu adalah Tuhan dan *Messiah* yang dijelmakan kepada bentuk manusia di dunia 2000 tahun yang lalu. Misalnya dalam Kitab *Matthew* fasal ketiga, ayat ke 17 yang bermaksud: "*Inilah anakKu yang ku kasihi, kepadanya Aku berkenan*"

Seterusnya dalam Kitab *Luke*, fasal keempat, ayat ke 41 yang bermaksud: "*Jesus itu anak Tuhan*". Dalam Kitab *John*, fasal 14, ayat ke 9 dan 10 yang bermaksud: "*Sesiapa yang sudah nampak aku, dia sudah nampak Bapa. Tidakkah kau percaya bahawa aku ini di dalam Bapa dan Bapa di dalam aku*"

Selain itu, keajaiban yang ada pada Jesus telah menyebabkan dia diangkat sebagai Tuhan oleh kaumnya. Misalnya kelahiran Jesus tanpa bapa melalui ibunya Maryam. Selain itu keupayaan Jesus menghidupkan orang yang telah mati serta kebolehnya menyembuhkan penyakit buta dan sopak turut digariskan. Kononnya dengan kelebihan-kelebihan inilah menunjukkan bukti bahawa Jesus itu Tuhan (Mat, 2014).

3. Nabi Isa AS Sebagai *Messiah* Islam

Beriman kepada para nabi dan rasul adalah antara rukun iman yang mesti diimani oleh setiap Muslim. Para nabi dan rasul adalah perkara asas dalam mempercayai rukun iman. Para nabi dan rasul merupakan makhluk pilihan Allah bagi menggalas tugas dan tanggungjawab yang besar iaitu sebagai penyampai wahyu Tuhan kepada manusia sejagat. Ini bermakna para nabi dan rasul merupakan perantara antara Allah dengan umat manusia seluruhnya. (Engku Alwi, 2008).

Al-Quran menjelaskan Nabi Isa AS ibnu Maryam yang dilahirkan dengan kekuasaan Allah SWT tanpa berbapa merupakan *al-Masih* ataupun *Messiah*. Allah SWT berfirman dalam surah *Ali Imran*, ayat ke 45 yang bermaksud: “(Ingatlah) ketika malaikat berkata: “Hai Maryam, sesungguhnya Allah menggembirakan kamu (dengan kelahiran seorang putera yang diciptakan) dengan kalimat (yang datang) daripadaNya, namanya *al-Masih* Isa putera Maryam, seorang terkemuka di dunia dan di akhirat dan termasuk orang yang didekatkan (kepada Allah).”

Selain itu, terdapat banyak ayat al-Quran yang menyebut kan istilah *al-Masih* pada Nabi Isa AS. Antaranya dalam surah *al-Nisa'*, ayat 157 yang bermaksud: “Dan kerana ucapan mereka: Sesungguhnya kami telah membunuh *al-Masih*, Isa Putera Maryam, Rasul Allah, padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka”. Dalam surah *al-Maidah*, ayat ke 17 yang bermaksud: “Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Sesungguhnya Allah itu ialah *al-Masih* putera Maryam”

Syafi al-Maji Ahmad menulis dalam bukunya, “*Turunnya Nabi Isa & Kemunculan Dajjal*”, Allah telah memberitahu bahawa Nabi Isa AS akan turun di akhir zaman nanti di dalam dua ayat al-Quran dan mengisyaratkannya pada ayat yang ketiga. Ayat yang pertama, Allah berfirman dalam surah *al-Nisa'* ayat ke 159 yang bermaksud: “Tidak ada seorang pun dari Ahli Kitab, kecuali akan beriman kepadanya (Isa) sebelum kematiannya. Dan di hari kiamat nanti Isa akan menjadi saksi terhadap mereka.” (Ahmad, 2012).

Ada sebuah syair Arab menyebutkan: “Dan ingatlah tatkala *al-Masih* membunuh *al-Masih*”. Maksudnya ketika mana Nabi Isa AS membunuh *al-Dajjal* dengan batunya (Sya'rowi, 2007). Hal ini menunjukkan bahawa Islam meyakini terdapat lebih dari seorang *Messiah* yang hidup dan akan muncul pada zaman yang sama. *Messiah* sebenarnya yang bakal membunuh *Messiah* yang berpura-pura ataupun *Messiah* palsu.

Al-Masih boleh diertikan dengan menyapu atau membersihkan dan boleh juga diertikan dengan menipu. Sebagaimana Nabi Isa AS disebut *al-Masih* (membersihkan), *al-Dajjal* juga disebut *al-Masih*. Bererti ada *al-masih* yang menyesatkan dan ada *al-Masih* yang menunjukkan kebenaran. *Al-Masih al-Dajjal* akan diturunkan terlebih dahulu pada hari kiamat nanti. Kedatangannya adalah untuk menyesatkan dan mengkafirkan manusia sehingga mendakwa dirinya sebagai Tuhan (Asyur, 2009).

Al-Qurthubi berkata: “Terjadi perdebatan mengenai kata *al-masih* menjadi 23 pendapat sebagaimana disebutkan Abu al-Khaththab bin Duhyah dalam sebuah kitab karyanya *Majma' al-Bahrain*, dia berkata, “Sebelumnya aku belum pernah menjumpai ada orang yang mengumpulkan pendapat-pendapat ini, baik dari orang yang sedang melakukan rihlah ilmiah berjalan menuntut ilmu mahupun orang yang bertemu dengan ilmu.” (Sya'rowi, 2007).

Ibnu al-Athir dalam kitab *al-Nihayah* berkata: “*Perkataan al-Masih banyak diulang-ulang, begitu juga dengan perkataan al-Masih al-Dajjal. Nabi Isa AS digelar al-Masih kerana dia mampu menyembuhkan penyakit seseorang hanya dengan mengusap tangannya dengan izin Allah SWT*”. Antara pendapat lain adalah kerana tapak kakinya rata dan tidak cengkung. Selain itu ada yang mengatakan bahawa ketika keluar dari perut ibunya, badannya dipenuhi dengan lemak. Ada juga yang mengatakan bahawa *al-Masih* ertinya *al-Siddiq* iaitu yang benar dan jujur. Tambahan lagi, pendapat yang mengatakan bahawa istilah *al-Masih* berasal dari bahasa Ibrani “*Masyihan*” yang diarakkan. Pendapat yang *rajih* adalah yang pertama, iaitu istilah *al-Masih* berasal dari kata ‘ma-sa-ha’ (مسح) yang bermaksud disapu atau diurapi.

Sewaktu umur baginda mencecah 33 tahun, berlaku peristiwa bersejarah yang memberi kesan sehingga ke hari kiamat di mana Nabi Isa AS hampir dibunuh oleh orang kafir yang menentang dakwahnya. Dengan kuasa Allah SWT, Nabi Isa AS diselamatkan oleh Allah SWT dengan ditukarkan kepada insan lain yang menyerupai dirinya untuk disalib. Nabi Isa AS diangkat ke langit oleh Allah SWT yang dijanjikan akan turun semula ke dunia pada akhir zaman nanti. Dalam surah *al-Nisa*, Allah berfirman pada ayat ke 157 yang bermaksud: “*Dan kerana ucapan mereka: "Sesungguhnya kami telah membunuh al-Masih, Isa putra Maryam, rasul Allah", padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih paham tentang (pembunuhan) Isa, benar-benar dalam keragu-raguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikuti persangkaan belaka, mereka tidak (pula) yakin bahwa yang mereka bunuh itu adalah Isa.*”

Islam menolak dakwaan peristiwa pembunuhan dan penyaliban Nabi Isa AS oleh orang Yahudi yang dipegang oleh pengikut agama Kristian. Allah berfirman dalam surah *al-Nisa*, ayat ke 158 yang bermaksud: “*Tetapi (yang sebenarnya), Allah telah mengangkat Isa kepada-Nya, dan adalah Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*”

4. Konsep Messiah Pada Kaca Mata Sarjana

Agama Kristian adalah satu agama yang muncul dan terasas selepas kematian dan pengangkatan Jesus ke langit. Semasa hayatnya, tidak pernah muncul nama agama Kristian dan ajarannya, sebaliknya apa yang disebarkan dan diajarkan oleh Jesus adalah ajaran para nabi dan rasul yang terdahulu seperti Nabi Adam AS, Nabi Nuh AS, Nabi Ibrahim AS sehinggalah sampai kepada Nabi Isa AS yang digelar sebagai Jesus oleh penganut Kristian (Abdullah Jr, 2012).

Jesus yang disebut oleh orang Kristian dengan Nabi Isa AS yang dinyatakan oleh orang Islam adalah insan yang sama. Sebagai seorang Muslim, haruslah meyakini dan mengimani Jesus sebagai salah seorang nabi ataupun pesuruh Allah. Dialah seorang *Messiah* yang lahir dengan keajaiban tanpa bapa, dia menghidupkan orang yang telah mati dengan izin Allah, menyembuhkan penyakit buta dan sopak dengan izin Allah. Lebih-lebih lagi, seorang Muslim tidak dianggap memeluk ajaran Islam sekiranya dia tidak meyakini dan mengimani kewujudan Jesus. (Zidan, 1995).

Encyclopedia Britanica menyatakan pandangan umat Jesus, “*Sesungguhnya sahabat-sahabat Messiah menumpukan perhatian mereka untuk menjadikan agama Masih sebagai agama Yahudi dan al-Masih sebagai salah seorang nabi bani Israil kepada umat Israil.*” Berdasarkan keterangan ini, nyata Isa *al-Masih* atau mereka

sebut sebagai Jesus *Christ* membawa ajaran keesaan tuhan iaitu ajaran Kristian yang asal (Abdullah, 2013).

Kristian bertanya, “*Apakah pandangan umat Islam terhadap Nabi Isa AS?*” Umat Islam menghormati Nabi Isa AS dan menunggu kedatangannya sebagai *Messiah*. Mereka menyanjung tinggi Nabi Isa AS sebagai seorang rasul termulia di sisi Allah. Seorang Muslim akan memanggilnya ‘Nabi Isa’ ditambah dengan ungkapan *‘alaihi al-salam* (salam sejahtera ke atasnya). Kitab al-Quran telah menceritakan kelahiran suci Nabi Isa AS tanpa bapa seperti yang termaktub dalam surah Maryam. Maryam pula dianggap sebagai wanita suci dalam kalangan ciptaan Allah. Al-Quran menerangkan kejadian ini di dalam surah Ali Imran, ayat 43-47.

Nabi Muhammad bersabda yang bermaksud: “*Sesiapa mempercayai bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, tiada bersekutu, dan Nabi Muhammad ialah pesuruh dan rasul Allah, dan Nabi Isa AS ialah pesuruh dan rasul Allah, firmanNya kepada Maryam dan ditiupkan rohNya, dan syurga dan neraka adalah benar, akan diterima Allah ke dalam syurgaNya.*” (HR Bukhari)

Syafi al-Maji Ahmad menulis dalam bukunya, “*Turunnya Nabi Isa & Kemunculan Dajjal*”, Allah telah memberitahu bahawa Nabi Isa AS akan turun di akhir zaman nanti di dalam dua ayat al-Quran dan mengisyaratkannya pada ayat yang ketiga. Ayat yang pertama, Allah berfirman dalam surah *al-Nisa*’ ayat ke 159 yang bermaksud: “*Tidak ada seorang pun dari Ahli Kitab, kecuali akan beriman kepadanya (Isa) sebelum kematiannya. Dan di hari kiamat nanti Isa akan menjadi saksi terhadap mereka.*” (Ahmad, 2012).

Seperti yang diterangkan bahawasanya Nabi Isa AS tidak mati dibunuh malah diangkat ke langit dalam keadaan masih hidup dengan izin Allah SWT dan akan diturunkan kembali pada akhir zaman. Tidak akan ada Ahli Kitab yang tertinggal melainkan akan beriman kepada Nabi Isa AS pada hari kiamat nanti. Seterusnya pada ayat kedua, dalam surah *al-Zukhruf*, ayat ke 61, Allah berfirman yang bermaksud: “*Dan sesungguhnya Isa itu benar-benar memberikan pengetahuan tentang hari kiamat.*”

Ibnu Abbas, Abu Hurairah, dan Qatadah menafsirkan bahawa ayat ini menerangkan bahawa Nabi Isa AS itu merupakan petanda kepada dekatnya hari kiamat. Dalam ayat yang ketiga pula, Allah berfirman dalam surah *Muhammad*, ayat yang keempat yang bermaksud: “*Apabila kamu bertemu dengan orang-orang kafir, (di medan perang), maka pancunglah batang leher mereka. Sehingga apabila kamu telah mengalahkan mereka. Maka tawanlah mereka dan sesudah itu kamu boleh membebaskan mereka atau menerima tebusan sampai perang berakhir.*”

Al-Baghawi menafsirkan bahawa maksud ayat al-Quran di atas adalah: “*Perlakuan kaum musyrik dengan memerangi dan menawan mereka sehingga mereka semua masuk ke dalam agama Islam dan supaya agama itu semata-mata untuk Allah. Apabila hal itu telah berjaya kamu kerjakan, maka tidak ada jihad dan peperangan lagi. Peristiwa yang demikian itu adalah ketika turunnya Nabi Isa AS.*” (Ahmad, 2012).

Berkenaan dengan turunnya Nabi Isa AS ini, Rasulullah juga bersabda dalam beberapa *hadith sahih* yang menceritakan pelbagai peristiwa pada waktu tersebut dan misi Nabi Isa AS apabila diutuskan semula oleh Allah ke dunia. Dari Anas bin Malik RA bahawa Rasulullah bersabda yang bermaksud: “*Sebahagian dari umatku ini akan menemui Isa, putera Maryam dan mereka akan menyaksikan pembunuhan Dajjal*”. (HR al-Hakim)

Dari Abu Hurairah RA, dari Nabi SAW, baginda bersabda yang bermaksud: “*Boleh jadi di antara kalian ini akan ada yang bertemu dengan Isa putera Maryam*

sebagai Imam Mahdi dan menegakkan yang adil. Isa AS akan menghancurkan salib, membunuh babi, meninggalkan pajak dan meniadakan beban kewajiban perang.” (HR Ahmad)

Dari Abu Hurairah RA, dari Nabi SAW, baginda bersabda dalam sebuah *hadith marfu'* yang bermaksud: “*Sungguh beruntung orang yang hidup setelah al-Masih turun di mana langit diizinkan menurunkan hujan dan bumi diizinkan menumbuhkan tanaman bahkan biarpun seandainya biji-bijian diletakkan di tanah yang gersang, maka biji-bijian itu akan tumbuh menjadi tanaman. Biarpun seseorang berjalan melewati singa, maka singa itu tidak akan mengganggunya, dipatuk ular pun tidak akan keracunan, tidak ada bakhil, mendekati dan membenci.*” (HR Abu Nu'im)

Messiah atau *Al-Masih* boleh diertikan dengan menyapu atau membersihkan dan boleh juga diertikan dengan menipu. Sebagaimana Nabi Isa AS disebut *Messiah* (membersihkan), *al-Dajjal* juga disebut *Messiah*. Bererti ada *Messiah* yang menyesatkan dan ada *Messiah* yang menunjukkan kebenaran. *Al-Masih al-Dajjal* akan diturunkan terlebih dahulu pada hari kiamat nanti. Kedatangannya adalah untuk menyesatkan dan mengkafirkan manusia sehingga mendakwa dirinya sebagai Tuhan. (Asyur, 2009).

Al-Qurthubi berkata: “*Terjadi perdebatan mengenai kata al-masih menjadi 23 pendapat sebagaimana disebutkan Abu al-Khaththab bin Duhyah dalam sebuah kitab karyanya Majma' al-Bahrain, dia berkata, “Sebelumnya aku belum pernah menjumpai ada orang yang mengumpulkan pendapat-pendapat ini, baik dari orang yang sedang melakukan rihlah ilmiah berjalan menuntut ilmu mahupun orang yang bertemu dengan ilmu.*” (Sya'rowi, 2007).

Ibnu al-Athir dalam kitab *al-Nihayah* berkata: “*Perkataan al-Masih banyak diulang-ulang, begitu juga dengan perkataan al-Masih al-Dajjal. Nabi Isa AS digelar al-Masih kerana dia mampu menyembuhkan penyakit seseorang hanya dengan mengusap tangannya dengan izin Allah SWT*”. Antara pendapat lain adalah kerana tapak kakinya rata dan tidak cengkung. Selain itu ada yang mengatakan bahawa ketika keluar dari perut ibunya, badannya dipenuhi dengan lemak. Ada juga yang mengatakan bahawa *al-Masih* ertinya *al-Siddiq* iaitu yang benar dan jujur. Tambahan lagi, pendapat yang mengatakan bahawa istilah *al-Masih* berasal dari bahasa Ibrani “*Masyihan*” yang diarakkan. Pendapat yang *rajih* adalah yang pertama, iaitu istilah *al-Masih* berasal dari kata “*ma sa ha*” (مسح) yang bermaksud disapu atau diurapi.

Dalam tafsir al-Tabari, merumuskan perkataan *al-Masih* sebagai kata pinjaman. Dalam surah Ali Imran, ayat ke-45 mendefinikan *al-Masih* sebagai ‘disucikan dari dosa’ dan ‘dipenuhi dengan berkah’ yang merupakan maksud asal istilah *Messiah*. (Gibb & Kramers, 2008).

Melihat kepada wujudnya doktri-doktrin dalam agama Kristian, konsep Trinitas bolehlah difahami sebagai suatu Tuhan yang hidup di dalam tiga entiti dan menjadi pokok utama. Jesus bukan sahaja dianggap *Messiah*, malah sebagai Tuhan yang disembah. Doktrin Kristian mengenai Trinitas boleh didefinisikan Tuhan sebagai tiga orang tuhan. Tiga entiti ini jelas wujud bersama dalam kesatuan dan sama taraf, sama-sama wujud sejak azali. Trinitas di anggap misteri dalam kepercayaan Kristian (Mat, 2014). Hal ini bermaksud, Jesus bukanlah makhluk yang diciptakan.

Konsep ketuhanan Kristian adalah pada konsep Trinitas yang terdiri dari Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Ruh Kudus. Jesus disepakati sebagai Tuhan Anak ataupun jelmaan Tuhan Bapa. Ketiga-tiga keperibadian ini tidak terpisah dan mereka adalah satu. Persoalannya jika benar ‘tuhan-tuhan’ ini tidak pernah berpisah, mengapakah ketika Jesus mati di tiang salib, Tuhan Bapa dan Ruh Kudus masih

hidup? Ini menunjukkan tuhan-tuhan ini bercerai dan mempunyai tiga keperibadian berasingan. (Abdullah, 2013).

Setelah kita faham konsep ketuhanan dan dosa warisan, kita dapati seolah-olah Nabi Adam AS adalah mangsa terancang untuk membuat dosa yang telah mengakibatkan seluruh manusia mendapat dosa warisan secara automatik. Maka dengan itu, barulah Tuhan dapat mengirinkan Jesus yang tinggal ke dunia ini, untuk menebus dosa warisan tadi. Maka berterima kasihlah pada Nabi Adam AS.

Untuk menyelamatkan kita daripada zaman yang jahat ini, Jesus telah menyerahkan dirinya sebagai korban bagi dosa-dosa kita. Dia melakukannya bagi mentaati kehendak Tuhan iaitu dirinya sendiri. Jadi, sekiranya Adam tidak melanggar perintah Tuhan dengan memakan buah dari pohon larangan tadi, tentu Jesus tidak akan dikirim oleh Tuhan Bapa ke atas dunia ini untuk menebus dosa warisan dan Agama Kristian tidak akan wujud sama sekali.

Dapatlah dirumuskan, Tuhan yang merancang agar Nabi Adam AS dikeluarkan dari syurga dalam keadaan berdosa, dan memutuskan bahawa keturunan manusia kesemuanya berada dalam dosa, kemudian tuhan sendiri yang menjadi penebus dosa hamba ciptaannya. Dimanakah keadilan tuhan apabila orang lain turut menanggung dosa yang lain. Berbeza dengan Islam yang mempertanggungjawabkan dosa pada pelakunya sahaja.

Bahaudin Mudhary, beliau menerangkan betapa Bible sendiri adalah kitab yang disangsikan kebenarannya. Beliau menjelaskan bahawa kesangsian terhadap kesucian Bible ini ditunjuk oleh Bible sendiri. Tentang ketuhanan Jesus, di dalam Bible itu sendiri menceritakan tentang keesaan Jesus samada dalam Perjanjian Lama mahupun Perjanjian Baru. Esa bermaksud satu dan hal ini menyangkal dakwaan doktrin Trinita yang dibawa oleh Kristian. Antaranya dalam Kitab *John*, fasal 13, ayat ke 3 yang turut menyampaikan bahasa Jesus sebagai utusan. "*Inilah hidup yang kekal iaitu supaya mereka mengenali Engkau, Allah yang maha esa dan Jesus yang teah Engkau utus.*"

Dalam Kitab Ulangan, fasal 4, ayat ke 35 yang bermaksud: "*Maka kepadamulah Dia ditunjuk, supaya diketahui olehmu bahawa Tuhan itu Allah, Kecuali Tuhan yang Esa, tiadalah yang lain.*" Dalam Kitab *Mark*, fasal 12, ayat ke 29 yang bermaksud: "*Maka jawab Jesus kepadanya, "Hukum utama ialah dengarlah olehmu, wahai Israil, Allah tuhan kita ialah tuhan yang satu."*

Jadi terdapat kekeliruan dalam pertentangan tentang isi Bible dalam hal ini. Ada yang menyebutkan bahawa "*Tuhan dan Jesus menjadi satu*", "*Tuhan itu satu*", "*Tuhan itu tiga menjadi satu*" dan ada pula menyebutkan "*Tunggal*". Tambahan lagi ayat di atas menyebutkan bahawa Jesus sebagai pesuruh Allah. Jadi persoalannya, sekiranya terdapat percanggahan dalam penulisan Bible, adakah kitab ini masih dianggap suci?

Bahaudin Mudhary memberikan contoh yang lain, iaitu dalam Kitab *Matthew*, fasal 27, ayat ke 46 yang bermaksud: "*Maka kira-kira pukul tiga, Jesus menyeru dengan suara yang nyaring, berkata, "Ya Tuhan, kenapa Kau meninggalkan aku?"*" Berdasarkan seruan Jesus itu, jelas Jesus tidak bersatu dengan Tuhan. Semasa Jesus akan disalib, jika Tuhan bersatu dengan Jesus, itulah saat yang tepat untuk menolong Jesus. Jika Jesus hidup untuk disalib, mengapa Jesus menyeru agar dilepaskan dan menunjukkan bahawa Jesus tidak bersedia sebagai penebus dosa. Bagaimana Jesus dianggap Tuhan sedangkan beliau sendiri tidak mampu melepaskan diri dari di salib malah meminta pertolongan. Jika penyaliban itu adalah satu penghapus dosa umat, sepatutnya orang yang menyalib di puji dan diberi ganjaran syurga atas jasa mereka. (Abdullah, 2013).

Selain itu, Sebuah perdebatan bersejarah telah berlaku pada 1897, bertempat di University of Louisiana, Amerika Syarikat antara Sheikh Amnad Deedat dan Paderi Jimmy Swaggart dengan tajuk “*Benarkah Bible Firman Tuhan*”. Sebuah lagi perdebatan telah dianjurkan. Menampilkan Sheikh Ahmad Deedat sebagai wakil Islam dan Pastor Stanley Sjoberg sebagai wakil Kristian di Stockholm, Sweden dengan tajuk yang sama. Pembuktian secara akademik dan penuh ilmiah oleh Sheikh Ahmad Deedat menunjukkan bahawa Bible yang dirujuk oleh penganut agama Kristian pada masa kini adalah palsu. (Omar, 2013).

Tidak disangsikan lagi, al-Quran adalah firman Allah SWT yang dipelihara sejak dahulu lagi namun tidak untuk kitab-kitab lain yang telah Allah turunkan kepada rasul-rasul sebelum ini. 14 Abad yang lalu, al-Quran sendiri menerangkan dalam surah *al-Baqarah*, ayat ke 79 yang bermaksud: “*Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: “Ini ialah daripada sisi Allah”, supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka daripada apa yang mereka usahakan.*”

Pembuktian yang dibuat oleh Sheikh Ahmad Deedat bukanlah diambil dari al-Quran kerana pasti penganut agama Kristian tidak akan ambil peduli dan percaya dengan fakta tersebut, malah sheikh telah merungkai kepalsuan tersebut dengan Bible pegangan mereka sendiri (Deedat, 2014).

Antara bukti yang dikemukakan oleh sheikh ialah berkaitan dengan versi Bible itu sendiri. Beliau bertanya kepada Pastor Stanley, Bible manakah yang akan mereka berdua rujuk dalam perdebatan ini, dan diiktiraf sebagai firman tuhan oleh orang Kristian? Orang Kristian percaya kononnya Bible adalah satu sahaja di dunia, namun pada tangan beliau terdapat *Bible Rhemish Version*, *Schofield Reference Bible*, Bible cetakan Sweden yang berpandukan nashkah *King James*, dan dua buah *Bible Revised Standard Version*. Tidak ada satupun Bible yang ditunjukkan oleh sheikh yang mana kandungannya sama antara satu sama lain. Pelbagai lagi kesangsian yang ditunjukkan di dalam Bible yang turut membawa kesangsian tentang doktrin Messiah, Dosa Warisan dan Penebusan Dosa yang dipegang oleh mereka.

Berdasarkan kepada senarai kitab-kitab Kristian yang pernah disebutkan sebelum ini, dapatlah disimpulkan bahawa kandungannya bukanlah dikhususkan kepada kitab yang dibawa oleh nabi tertentu, malah ia merupakan gabungan dan campuran antara firman Tuhan, ajaran nabi-nabi, para sejarawan, pendeta-pendeta dan penulis-penulis yang lain yang tidak dapat dikenalpasti identitinya. Sesungguhnya al-Quran sahajalah kitab suci yang masih tinggal kerana kesemua kandungan yang dimuatkan di dalamnya adalah merupakan firman Tuhan yang mutlak dan masih terjaga hingga ke hari ini. (Omar, 2013).

Persoalan yang timbul ialah, mengapa mereka Kristian memasukkan Kitab Perjanjian Lama (Tanakh) ke dalam Bible dan tidak menggunakan Kitab Perjanjian Baru sahaja? sedangkan tidak menerima syariat Nabi Musa AS dan tidak mengikut ajaran Nabi Musa AS, sedangkan Nabi Isa AS sudah menjelaskan, beliau tidak mengubah ajaran Nabi Musa AS. Dalam Kitab *Matthew*, fasal 17, ayat ke 18 bermaksud: “*Jangan kamu fikir aku datang bagi menafikan hukum Taurat atau kitab para nabi, (tetapi aku datang) untuk menyempurnakannya. (Hal ini) kerana aku berkata kepadamu, Sesungguhnya selagi langit dan bumi belum lenyap, satu titik pun tidak akan dihilangkan daripada hukum Taurat, sebelum semuanya terjadi.*” (Mat, 2014).

5. Rumusan

Islam dan Kristian adalah agama yang didasari oleh sumber yang sama pada asalnya. Kedua-dua agama ini secara jelas merupakan agama yang lahir dari seorang rasul yang diutuskan Allah SWT. Bezanya ialah samada agama yang dianuti hari ini adalah agama yang original, dibawa dan disebarikan ataupun telah mengalami perubahan yang mengakibatkan terpesongnya akidah yang benar yang ingin dibawa oleh rasul mereka.

Dalam surah al-Ikhlash, Allah berfirman yang bermaksud: “*Katakanlah (wahai Muhammad), “Dialah Allah, yang Maha Esa” Allah tempat meminta segala sesuatu. (Allah) tidak beranak dan diperanakkan. Dan tidak ada sesuatu yang setara dengan Dia”*

Islam adalah agama yang mentauhidkan Allah SWT sebagai tuhan yang wajib disembah dan diabdikan. Sesungguhnya Allah berbeza dengan makhluknya. Bagaimana mungkin sesuatu yang dianggap tuhan, memiliki persamaan dengan makhluk yang diciptanya sendiri dari pelbagai sudut seperti, tuhan dilahirkan, rupa parasnya, tuhan memiliki jangka hayat dan sebagainya. Pegangan seperti ini perlu diberikan penjelasan yang sewajarnya agar dapat membuka minda masyarakat dan menetapkan iman mereka.

Islam dan Kristian berkongsi *Messiah* yang sama iaitu Nabi Isa AS, yang juga dikenali sebagai Jesus. Walaubagaimanapun, istilah dan konsep *Messiah* bagi menerangkan Nabi Isa AS adalah berbeza mengikut kedua-dua agama ini. Islam menganggap Nabi Isa AS sebagai *Messiah* kerana baginda menyapu atau mengurap dengan tangannya, bagi menyembuhkan penyakit buta dan sopak semasa hayatnya dengan izin Allah SWT. Baginda juga dijanjikan bakal turun di akhir zaman sebagai penyelamat umat manusia bagi membunuh *Messiah* yang palsu, iaitu *al-Dajjal*.

Kristian pula menganggap Nabi Isa AS sebagai *Messiah* ataupun penyelamat kerana baginda telah mengorbankan diri sebagai penebus dosa warisan yang berpunca oleh Nabi Adam AS yang dikelurkan dari syurga akibat memakan buah larangan. Mereka menganggap dan menyembah Nabi Isa AS sebagai Tuhan ataupun Anak Tuhan yang merupakan sebagian daripada akidah Trinitas mereka. Segala ajaran yang dimuatkan dalam kitab suci mereka, iaitu Bible adalah dipercayai datang daripada Nabi Isa AS. Namun Islam merungkai rahsia bahawa kitab yang dipegang oleh mereka itu bukanlah karya asal dari Allah (Injil dan Taurat) dan wujud tangan-tangan manusia yang mengubahnya.

St. Paul ataupun Saul adalah insan berbangsa Yahudi yang bertanggungjawab mengubah ajaran yang dicatat oleh 12 pengikut Nabi Isa AS yang utama. Dia mendakwa dilantik oleh Nabi Isa AS apabila berjumpa dengan baginda dan dilantik sebagai utusan untuk menyebarkan ajaran-ajaran yang dibawa semasa hidupnya. Hal ini disokong oleh Barnabas. Namun apa yang dilakukan hanyalah mengubah hampir keseluruhan ajaran dalam kitab Taurat Nabi Musa AS (*Mosaic Law*) dan Nabi Isa AS lebih-lebih lagi dalam perkara akidah dan ia digunakan sehingga ke hari ini.

Diantara perkara yang dikelirukan oleh Paul adalah konsep *Messiah* yaitu doktrin pengorbanan bagi umat manusia yang dilakukan Jesus. *Messiah* atau Christ dalam istilah Kristian kemudian menjadi identik untuk kalimat Jesus dan dikenal hingga kini sebagai Jesus Christ untuk mengekalkan symbol Jesus sang penyelamat. Adapun *messiah* dalam Islam bermaksud *almasih* yang diertikan dengan menyapu dan membersihkan dan boleh juga diartikan menipu. *Messiah* yang bermaksud membersihkan adalah Nabi Isa AS sedangkan yang menyesatkan ditujukan kepada *al-Dajjal*. Maka jelas perbezaan antara dua agama ini dimana *Messiah* dalam Kristian

mengandung unsur ketuhanan sedangkan *almasih* dalam Islam mengandung makna kebesaran Tuhan.

Rujukan

- Abd Rahman, Mohd Rosmizi. (2002). *Agama-agama di Dunia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abdullah Jr, Ahmad Khairul Ikhwan. (2012). *Sejarah Penyelewengan Agama Kristian Menurut Bible*. Selangor: Fitrah Ikhwan Resources.
- Abdullah, Farhan. (2013). *Kristianisasi & Gejala Murtad*. Kuala Lumpur: Hijjaz Records Publishing.
- Abdullah, Mohd Asri. (2006). *Prinsip-prinsip Asas Islam, Islam dan Akidah*. Selangor: UITM.
- Ahmad, Syafi al-Maji. (2012). *Turunnya Nabi Isa & Kemunculan Dajjal*. Selangor: Jasmin Publication.
- Ahmed, Zaheer U. (2002). *One Religion*. Naperville, USA: Goodword Books.
- al-Syahrastani. *Al-Milal wa Al-Nihal* (Terj. Asywadie Syukur). Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Anon. (1974). *Al-Kitab*. Jakarta: Lembaga Al-Kitab Indonesia.
- Anon. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (2013). *Al-Qur'anul Kareem & Terjemahannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Anon. (2014). *Tsaqafah, Jurnal Peradaban Islam* (Jil. 10). Ponorogo: Gontor.
- Asyur, Abdul Latif. (2009). *Menunggu Kedatangan Imam Mahdi, Dajjal dan Nabi Isa AS*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Awang, Ramli. (2005). *Akidah Penghayatan Tauhid Al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Basri, Ghazali. (2013). *Ilmu Perbandingan Agama, Suatu Pengenalan*. Kajang: Kolej Dar al- Hikmah.
- Bucaille, Maurice. (1978). *Bibel Quran dan Sains Moden* (Terj. H.M. Rasjidi). Jakarta: Bulan Bintang.
- Deedat, Ahmad. (2014). *The Choice; A Journey Towards True Path* (Terj. Nur Thairah Syamsuddin). Selangor: al-Hidayah.
- Engku Alwi, Engku Ahmad Zaki. (2008). *Apa Itu Islam? Menerangkan Islam Secara Lengkap dan Mudah*. Selangor: PTS Islamika.
- Fasching, Darrell J. (2001). *Comparative Religious Ethics; A Narrative Approach*. USA: Blackwell Publishers Inc.
- Groenen, C. (1980). *Pengantar ke dalam Perjanjian Lama*. Yogyakarta: Kasinius.
- Khalidi, Tarif. (2013). *The Muslim Jesus; Sayings and Stories in Islamic Literature*. Cambridge: Harvard University.
- Ludji, Barnabas. *Kerajaan Mesias*. Jakarta: UPI STT Jakarta.
- Mat, Raffar. (2014). *Pengaruh & Agenda Kristian, Jawapan Kepada Yang Menghina Islam*. Selangor: Hijjaz Record Publishing.
- Mohammed, Waffie. (2008). *Christianity according to Islamic Beliefs*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.
- Nata, Abuddin. (2014). *Metodologi Studi Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo.
- Omar, Muhammad Ramzi. (2013). *Debat Islam Kristian, Sheikh Ahmed Deedat vs. Dr. Anis Shorrosh; Jesus Christ Bukan Tuhan* (Terj). Kuala Lumpur: Sinar Media Services.

- Siahaan, S.M. (2001). *Pengharapan Mesianis dalam Perjanjian Lama*, Jakarta: BPK Gunung Mulia.
- Siddiq, Jaafar. (2013). *Jesus Adalah Muslim*. Selangor: PTS Millenia SDN. BHD.
- Sya'rawi, Muhammad Mutawally. (2007). *Isa & Maryam*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Yusof, Yussamir. (2010). *Akidah Kita Nyawa Kita*. Selangor: Karya Bestari.
- Zidan, Ahmad. (1995). *Christianity Myth or Message*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.

Author's Biography

Abdul Halim Syihab, merupakan lulusan sarjana dalam bidang Usuluddin dan Perbandingan Agama daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Sebelum itu telah menamatkan pengajian sarjana muda dalam bidang Usuluddin daripada Universiti Islam Madinah, Saudi Arabia. Beliau pernah menjawat sebagai pensyarah di jabatan Usuluddin, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Boleh dihubungi melalui email berikut: abdulhalimsyihab@yahoo.com.